



PEKELILING MAJIKAN BIL. 9/2002
PERLANJUTAN TEMPOH BAGI KADAR BANTUAN KEWANGAN DAN SKIM SBL-KHAS

1. TUJUAN

Tujuan pekeling ini adalah untuk memklumkan kepada majikan mengenai perkara berikut: -

- a) Perlanjutan tempoh untuk satu tahun lagi bagi kadar bantuan kewangan dalam bidang latihan pengurusan, kualiti, produktiviti, penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran dari 85% kepada 100% mulai 1 November 2002; dan
- b) Perlanjutan tempoh pelaksanaan Skim SBL-KHAS untuk satu tahun lagi mulai 16 September 2002, yang bertujuan untuk menggalakkan lagi majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam keadaan negara mengalami kelembapan ekonomi pada masa kini.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kenaikan kadar bantuan kewangan bagi bidang latihan pengurusan, kualiti, produktiviti, penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran seperti bidang pengurusan projek, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia, keselamatan dan kesihatan pekerja daripada 85% kepada 100% daripada kos latihan yang dibenarkan, telah dilaksanakan pada 1 November 2001. Kenaikan kadar bantuan kewangan ini adalah untuk mendorong majikan mempergiatkan aktiviti latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja dalam suasana kelembapan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa kini. Dalam tempoh ini, jumlah permohonan yang diterima dari kalangan majikan adalah begitu menggalakkan kerana majikan berpeluang untuk menghantar para pekerja mereka dalam berbagai bidang kemahiran di samping dapat memaksimumkan jumlah penggunaan levi mereka.
- 2.2 Skim SBL-KHAS telah dilaksanakan pada 16 September 2001 bertujuan untuk membantu majikan terus mempergiatkan aktiviti latihan semula pekerja melalui Skim Bantuan Latihan (SBL) walaupun majikan menghadapi masalah aliran tunai, dengan menggunakan baki levi yang sedia ada. Di bawah Skim SBL-KHAS ini, majikan tidak perlu membayar yuran latihan atau hanya perlu membayar sebahagian kecil yuran latihan bergantung kepada bidang kemahiran kepada penyedia latihan apabila melatih pekerja. Manakala, yuran latihan akan dibayar oleh PSMB kepada penyedia latihan bagi pihak majikan dan akan ditolak daripada akaun levi majikan. Skim SBL-KHAS ini meliputi program-program latihan yang dijalankan sama ada secara umum (publicly conducted courses) dan juga latihan dalaman (customized in-house training). Dalam hubungan ini, majikan perlu mengemukakan permohonan geran latihan sebelum latihan bermula melalui

Skim SBL. Tuntutan oleh majikan bagi lain-lain kos latihan dan tuntutan daripada penyedia latihan bagi pembayaran yuran latihan hendaklah dikemukakan selepas tamat latihan.

3. PERLANJUTAN TEMPOH BAGI KADAR BANTUAN KEWANGAN DAN SKIM SBL-KHAS

- 3.1 Perlanjutan tempoh kadar bantuan kewangan 100% bagi bidang latihan pengurusan, kualiti, produktiviti, penyeliaan dan lain-lain bidang kemahiran ini adalah untuk satu tahun lagi mulai 1 November 2002 sehingga 31 Oktober 2003. Sungguhpun demikian, kadar bantuan kewangan ini tidak melibatkan latihan dil luar negeri.
- 3.2 Perlanjutan tempoh pelaksanaan Skim SBL-KHAS ini adalah untuk satu tahun lagi mulai 16 September 2002 dan berakhir pada 15 September 2003. Prosedur membuat permohonan dan tuntutan di bawah skim ini adalah sama seperti di para 4 dan 5, Pekeliling Majikan Bil. 11/2001 bertarikh 29 Ogos 2001.

4. Tarikh Kuatkuasa

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 November 2002 dan berakhir pada 31 Oktober 2003 bagi perlanjutan tempoh kadar bantuan kewangan.
- 4.2 Manakala bagi perlanjutan tempoh pelaksanaan Skim SBL-KHAS, ianya berkuatkuasa mulai 16 September 2002 dan berakhir pada 15 September 2003.

Sekian. Terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)

Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

